

Logo, moto UPM terbang bersama pesawat AirAsia



IDRIS (depan, enam dari kiri) bersama Aini (empat dari kiri) dan Tony (lapan dari kiri) bergambar bersama staf AirAsia dan UPM di hadapan pesawat AirAsia Airbus A320-200 (9MAQD) yang tertera logo UPM di Sepang semalam.

SEPANG - AirAsia menjalin usaha sama unik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila buat pertama kalinya di dunia, logo dan moto universiti itu dipapar pada badan pesawat syarikat penerbangan tambang rendah tersebut. Logo 'Universiti Putra Malaysia', moto 'With Knowledge We Serve' serta ikon pokok hutan hujan yang direka bentuk oleh Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM dilukis pada pesawat Airbus A320-200 AirAsia dengan nombor pen- daftaran 9MAQD. Pesawat itu akan memulakan penerbangan dalam tempoh dua minggu lagi. Pelancaran pesawat itu disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Ju-

soh di hangar Sepang Aircraft Engineering Sdn. Bhd. di sini semalam.

"Kerjasama tersebut merupakan hasil kejayaan program CEO@Faculty yang diwujudkan kementeriannya sejak dua tahun lalu bagi membolehkan pemimpin korporat di negara ini memberikan syarahan dan jaringan kepada mahasiswa serta pihak universiti," kata Idris pada sidang akhbar selepas menyempurnakan perasmian program Livery UPM-AirAsia di sini semalam. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Naib Canselor UPM,

Prof. Datin Paduka Aini Ideris serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes.

Dalam pada itu, Tony berkata, perkhidmatan pesawat yang membawa logo UPM itu akan digilirkan antara destinasi penerbangan ke beberapa destinasi Asia bagi membolehkan seramai mungkin masyarakat Asia melihatnya. Beliau berkata, kos mereka bentuk dan mengecat logo itu berjumlah kira-kira AS\$50,000 (RM210,375) dan pihaknya juga merancang meletakkan gambar penuntut dan program yang ditarangkan oleh UPM pada dinding kabin di dalam pesawat.